

## Peranan dan prospek pemerksaan koperasi sebagai mekanisme transformasi ekonomi mualaf di Malaysia

[The role and prospects of empowering co-operatives as a mechanism for the economic transformation of Muslim converts in Malaysia]

Mohd Zuhaili Kamal Basir<sup>1,\*</sup> , Azlan Yusof Punding<sup>2</sup> 

<sup>1 2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, 96400 Mukah, Sarawak

\*Corresponding author: [mohdz3506@uitm.edu.my](mailto:mohdz3506@uitm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33102/uij.693>

### ABSTRAK

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kadar populasi mualaf di Malaysia menunjukkan peningkatan yang ketara. Namun, mereka menghadapi pelbagai hambatan utama dalam ekonomi seperti peluang pekerjaan yang terhad, diskriminasi, kekurangan kemahiran dan kurangnya rangsangan ekonomi untuk mualaf memasuki pasaran tenaga kerja dan memulakan perniagaan. Justeru, pentingnya dalam meneliti bantuan yang disalurkan kepada golongan mualaf sebagai contoh pembangunan koperasi mualaf di Malaysia. Artikel ini mengkaji peranan serta prospek yang cerah bagi koperasi dalam meningkatkan kedudukan ekonomi mualaf. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Data diperolehi melalui tinjauan terhadap literatur-literatur akademik, laporan koperasi, dan dokumen-dokumen berkaitan yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Analisis kritis terhadap maklumat-maklumat yang diperolehi digunakan untuk mengenal pasti peranan dan prospek koperasi dalam memperkasa ekonomi mualaf di Malaysia. Hasil kajian mendapati koperasi berpotensi memacu peranan yang lebih efektif dalam menaiktaraf kesejahteraan ekonomi mualaf menerusi pembangunan rangkaian perniagaan, galakkan inovasi dan teknologi, sokongan pendidikan dan penyediaan sokongan kewangan yang berterusan. Usaha ini dapat menyokong pembangunan ekonomi mualaf yang lebih inklusif dan mampan di Malaysia. Dengan kerjasama dari pelbagai pihak, koperasi mampu mencapai visi pembangunan ekonomi yang lebih adil dan saksama untuk segenap lapisan masyarakat.

**Kata kunci:** Koperasi, Pembangunan ekonomi, Mualaf, Peranan, Prospek.

### ABSTRACT

In recent years, the population of Muslim converts in Malaysia has shown a significant increase. However, they face various key obstacles in the economy such as limited job opportunities, discrimination, lack of skills and insufficient economic stimulus for Muslims to enter the job market and start businesses. Co-Operatives play a crucial role in empowering the economy of Muslim Convert in Malaysia. Therefore, it is essential to examine the assistance provided to Muslim converts, such as through the development of Muslim convert cooperatives in Malaysia. This article examines the roles and bright prospects for cooperatives in enhancing the economic position of Muslim Converts. The study adopts a literature review approach and document analysis. Data is obtained through a review of academic literature, cooperative reports, and relevant documents

Manuscript Received Date: 26/08/25

Manuscript Acceptance Date: 15/03/26

Manuscript Published Date: 31/03/26

©The Author(s) (2024). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my)

C O P E COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS



issued by government agencies and non-governmental organizations. Critical analysis of the information obtained is used to identify the roles and prospects of Co-Operatives in empowering the economic status of Muslim Converts in Malaysia. The study found that Co-Operatives have the potential to play a more effective role in upgrading the economic well-being of Muslim Converts through the development of business networks, promotion of innovation and technology, support for education, and continuous financial assistance. These efforts can support a more inclusive and sustainable economic development among Muslim Converts in Malaysia. With cooperation from various parties, cooperatives can achieve a vision of a fairer and more equitable economic development for all layers of society.

**Keywords:** Co-Operative, Economic development, Muslim Converts, Roles, Prospects

## 1.0 PENGENALAN

Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara multi-etnik yang menyanjung konsep kebebasan beragama. Komuniti muallaf atau golongan yang baru memeluk agama Islam antara kelompok masyarakat yang menerima impak positif dari pengamalan konsep tersebut. Dalam konteks pembangunan ekonomi, koperasi telah terbukti menjadi medium yang berkesan dalam membantu muallaf untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Koperasi menyediakan pelantar yang sesuai bagi pemulihan ekonomi komuniti muallaf bertunjangkan prinsip-prinsip keadilan, kesaksamaan dan kebersamaan.

Kerjasama atau *Ta'awun* adalah salah satu nilai murni dalam amalan pekerjaan Muslim. Al-Quran mendorong umat Islam untuk bekerjasama dalam melakukan perkara yang makruf (kebaikan) demi kesejahteraan komuniti mereka. Perkara ini dinyatakan secara jelas menerusi Surah al-Ma'idah (5:2):

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.

Koperasi Islam merupakan model koperasi alternatif yang meningkatkan kecekapan masyarakat, di samping memberi manfaat kepada rakan kongsi dan ekonomi negara. Prinsip-prinsip asas kewangan Islam seperti model perkongsian untung rugi, menghindari spekulasi (*gharar*) serta integrasi dengan nilai-nilai koperasi telah menjadikan operasinya lebih efisien. Koperasi Islam juga mempromosi transaksi berdasarkan barang dan perkhidmatan sebenar serta perjanjian pembahagian keuntungan. Ia bertujuan membina sistem kewangan beretika dengan matlamat pengagihan kekayaan semula bagi mengurangkan kadar kemiskinan dalam jangka masa panjang (Hamzah, 2017).

Sejarah koperasi di Malaysia bermula pada 1907 dengan penubuhan 'syarikat kerjasama' untuk membantu para petani. Koperasi telah menjadi tulang belakang dalam pembangunan ekonomi Malaysia sejak awal kemerdekaan. Pada awalnya, koperasi di Malaysia bertumpu kepada sektor pertanian melalui perkongsian sumber tenaga dalam kalangan kumpulan petani bagi meningkatkan kecekapan dari aspek pengeluaran dan pemasaran hasil tanaman. Namun seiring dengan peredaran masa, peranan koperasi terus berkembang merangkumi pelbagai sektor ekonomi termasuk perdagangan, perkhidmatan dan industri (Othman et al., 2013)

Sejak penubuhan koperasi pertama pada tahun 1922, koperasi telah menjadi asas penting dalam sektor ekonomi Malaysia. Pada dekad 1980-an, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melancarkan 'Era Baharu Koperasi' untuk menjadikan gerakan koperasi lebih progresif dan dinamik. Sehubungan itu, kerajaan Malaysia mengambil pelbagai inisiatif untuk menyokong pertumbuhan dan perkembangan koperasi di seluruh negara. Antara langkah penting termasuk pembentukan Kementerian Koperasi dan Kepenggunaan pada tahun 1956 bagi menguruskan dasar-dasar berkaitan koperasi serta penubuhan Majlis Koperasi Malaysia pada tahun 1971 untuk memperkuatkan pengurusan koperasi. Seterusnya Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) dibangunkan sebagai pusat pendidikan dan pengurusan koperasi. Sebagai sebuah organisasi perniagaan swasta, kecekapan pengurusan koperasi juga boleh dinilai berdasarkan aspek

kewangan dan aspek bukan kewangan seperti nilai sosial, fungsi pengurusan dan hubungan antara anggota koperasi (Abdul Rahman & Zakaria, 2018)

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) diperbadankan di bawah Akta Koperasi 1993 yang bertanggungjawab memantau sektor koperasi. Dari hanya 11 koperasi pada asalnya, jumlah koperasi berdaftar kini telah meningkat melebihi 14,000, dengan lebih daripada 7.5 juta ahli. Menurut Laporan Interim Statistik Gerakan Koperasi Laporan Prestasi Setengah Tahun 2020, jumlah aset koperasi mencapai sehingga RM 143 bilion dengan perolehan sebanyak RM 24.6 bilion pada tahun 2019. Ini menunjukkan peranan penting koperasi dalam membentuk ekonomi Malaysia dan memberikan manfaat kepada jutaan rakyatnya. Koperasi di Malaysia telah mengalami perubahan dan penyesuaian sejajar dengan arus globalisasi dan keperluan ekonomi yang semakin kompleks. Terdapat peningkatan dalam pelbagai jenis koperasi termasuk koperasi usahawan, koperasi kepenggunaan dan koperasi pendidikan (Munajat, 2021).

Kini, peranan koperasi dalam pembangunan komuniti muallaf semakin ditekankan dan diperluaskan dengan program-program dan bantuan yang disediakan untuk meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan mereka. Namun, terdapat juga permasalahan semasa yang dihadapi oleh koperasi dalam pembangunan ekonomi muallaf. Dari aspek undang-undang, tiada keseragaman dalam tafsiran dan tempoh status muallaf antara negeri-negeri menyebabkan koperasi sukar merancang program jangka panjang serta menilai keberkesanan bantuan secara menyeluruh. Dari aspek kewangan pula, koperasi berhadapan dengan kekangan modal dan kesukaran mendapatkan pembiayaan luaran akibat kurangnya kepercayaan institusi kewangan terhadap model perniagaan koperasi, di samping sikap berhati-hati terhadap pelaburan berisiko tinggi yang membataskan peluang pertumbuhan ekonomi muallaf. Dalam konteks pendidikan, koperasi menghadapi kekurangan dana, tenaga pengajar terlatih serta bahan pembelajaran yang sesuai, manakala tahap penggunaan teknologi pendidikan juga masih rendah khususnya di kawasan pedalaman. Selain itu, tahap kesedaran dan kefahaman muallaf terhadap produk kewangan Islam masih rendah menyebabkan mereka cenderung menganggapnya serupa dengan sistem konvensional dan kurang berminat untuk terlibat dalam skim kewangan patuh syariah (Kamal Basir et al. 2025). Kesemua cabaran ini menuntut pendekatan yang lebih holistik, terancang dan bersepadu antara koperasi, institusi agama, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan bagi memastikan pemeraksanaan muallaf dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan. Berikut adalah jumlah pengislaman yang menunjukkan peningkatan komuniti muallaf saban tahun dan memerlukan sokongan sosial dari aspek ekonomi dan peluang pekerjaan:

Jadual 1: Statistik Kemasukan Islam Tahun 2010–2018

Negeri / Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	Jumlah Keseluruhan
Perlis	61	55	61	50	48	59	52	52	22	460
Kedah	258	235	250	167	198	193	176	209	190	1876
P. Pinang	249	274	369	302	290	200	329	341	269	2623
Perak	548	625	614	550	528	530	492	520	416	4823
Selangor	1625	1484	1567	2111	2493	2187	1813	1700	1728	16708
K. Lumpur	1116	951	1041	877	654	654	641	681	656	7271
N. Sembilan	279	288	305	311	344	225	293	265	233	2543
Melaka	204	204	234	259	207	185	191	187	162	1833
Johor	964	903	984	923	864	839	811	755	754	7797
Pahang	604	732	598	843	849	408	529	529	532	5624
Terengganu	123	122	81	139	69	68	74	74	58	808
Sarawak	1325	1471	1812	1731	1674	1534	1488	1454	1254	13743
Sabah	2755	2549	2577	2312	2310	1890	2003	2045	1805	20246
W.P. Labuan	124	139	154	121	162	174	136	114	89	1213
Kelantan	369	464	379	366	337	235	413	267	263	3093
Putrajaya	36	37	41	41	28	26	25	24	42	300
Jumlah	10640	10533	11067	11103	11055	9407	9466	9217	8342	90961

## Peranan dan prospek pemeraksanaan koperasi sebagai mekanisme transformasi ekonomi mualaf di Malaysia

Jadual 1 menunjukkan sejumlah 90,961 individu telah memeluk agama Islam dengan purata tahunan sekitar 10,107 orang. Negeri yang mencatat jumlah tertinggi ialah Sabah (20,246), diikuti Selangor (16,708) dan Sarawak (13,743). Hal ini mencerminkan keberkesanan dakwah khususnya di kawasan pedalaman dan negeri berbilang etnik. Sebaliknya, negeri seperti Putrajaya, Perlis dan Terengganu mencatat angka terendah disebabkan komposisi penduduk yang majoritinya beragama Islam. Trend tahunan menunjukkan peningkatan stabil antara 2010 hingga 2014, namun berlaku penurunan beransur-ansur dari 2015 hingga 2018 yang berpunca daripada kekangan logistik, cabaran birokrasi dan perundangan atau kurang sokongan di fasa pasca pengislaman.

Data ini menggambarkan keperluan kepada pendekatan dakwah yang lebih kontekstual, inklusif dan responsif terhadap keperluan komuniti sasaran. Kejayaan di negeri seperti Sabah dan Sarawak membuktikan bahawa strategi dakwah berasaskan komuniti dan budaya setempat adalah berkesan, manakala negeri-negeri bandar memerlukan pengukuhan bimbingan mualaf dalam suasana urbanisasi yang kompleks. Penurunan jumlah mualaf selepas 2014 wajar diberi perhatian oleh pihak berwajib agar dasar dakwah negara dapat diperkasa secara menyeluruh merangkumi pendidikan Islam, kesejahteraan sosial dan penggunaan teknologi digital demi menyokong proses penghijrahan rohani yang lebih bermakna dan lestari.

Jumlah terkini mualaf seluruh Malaysia adalah seramai 61,449 orang yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan etnik (Yaakub et al., 2024). Angka ini menunjukkan peningkatan yang mendadak dalam komuniti mualaf dan mencerminkan keberkesanan usaha dakwah serta minat masyarakat bukan Islam untuk mendekati ajaran Islam. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk memastikan golongan mualaf ini diberi perhatian sewajarnya melalui program bimbingan berterusan, sokongan sosial serta integrasi yang harmoni dalam masyarakat Islam arus perdana.

Peningkatan dalam bilangan komuniti mualaf di Malaysia menuntut pelbagai bentuk sokongan dan bantuan bagi memastikan kesejahteraan serta kelangsungan hidup mereka terjamin. Golongan ini sering berhadapan dengan pelbagai cabaran dari segi penyesuaian sosial, ekonomi, dan keagamaan selepas memeluk Islam. Oleh itu, antara bentuk bantuan yang amat diperlukan oleh mereka termasuklah sokongan kewangan bagi menampung keperluan asas serta bimbingan berterusan yang merangkumi aspek kerohanian, keusahawanan, dan pemeraksanaan diri. Bantuan sedemikian bukan sahaja membantu dalam memperkukuh jati diri mereka sebagai Muslim, malah turut memberi peluang kepada mereka untuk berdikari dan menyumbang secara positif kepada masyarakat. Berikut merupakan statistik agihan zakat kepada mualaf dari tahun 2020 sehingga 2024 bagi negeri dan wilayah yang berada di Malaysia (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), n.d).

Jadual 2: Statistik Agihan Zakat bagi Mualaf di Malaysia Tahun 2020–2024

Negeri / Tahun	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
Perlis	0	0	0	0	0	0
Kedah	1,571,320.19	1,440,871.94	3,183,477.28	5,051,863.13	10,436,414.46	21,683,947.00
P. Pinang	1,500,000.00	2,500,000.00	0	0	0	4,000,000.00
Perak	5,188,963.31	0	0	0	5,978,014.00	11,166,977.31
Selangor	39,213,383.00	38,240,227.00	52,192,607.00	57,854,137.00	50,330,431.00	237,830,785.00
N. Sembilan	9,150,786.82	8,798,950.25	9,520,162.43	11,420,303.36	12,775,232.70	51,665,435.56
Melaka	5,404,800.00	5,850,975.00	7,232,777.00	0	0	13083752
Johor	0	0	0	0	0	0
Pahang	0	0	0	0	0	0
Terengganu	5,762,843.86	5,301,893.17	7,995,073.05	9,887,113.51	12,106,815.78	41,053,739.37
Sarawak	4,441,726.74	5,074,014.00	5,633,230.00	0	0	15,148,970.74
Sabah	2,652,480.89	2,280,764.22	3,385,856.33	3,913,818.90	4,859,725.60	17,092,645.94

Kelantan	2,062,927.58	1,942,884.00	4,337,399.00	6,105,165.00	7,173,676.00	19,679,167.58
Wilayah Persekutuan	12,026,894.78	11,122,293.00	10,807,335.85	0	0	33,956,523.63
Jumlah	83,571,327.170	80,609,988.580	104,287,917.90	94,232,400.90	103,660,309.50	466,361,944.10

Jadual 2 memaparkan statistik agihan zakat kepada golongan muafak di Malaysia bagi tempoh tahun 2020 hingga 2024. Dalam tempoh lima tahun tersebut, jumlah keseluruhan agihan zakat yang disalurkan kepada golongan muafak adalah sebanyak RM466,361,944.10. Negeri Selangor mencatatkan jumlah agihan tertinggi dengan nilai sebanyak RM237,830,785.00, manakala Pulau Pinang mencatatkan jumlah agihan terendah iaitu sebanyak RM4,000,000.00. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa negeri seperti Perlis, Pulau Pinang, Perak, Johor, Pahang dan Wilayah Persekutuan yang tidak melaporkan sebarang agihan zakat kepada muafak sama ada bagi keseluruhan tempoh lima tahun atau bagi tahun-tahun tertentu. Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan bahawa sebahagian besar negeri di Malaysia menyalurkan agihan zakat kepada golongan muafak, sekali gus menggambarkan keperluan dan kepentingan bantuan zakat dalam menyokong kelangsungan hidup serta pembangunan golongan ini.

Walaupun bantuan zakat masih diagihkan kepada muafak pada peringkat awal pengislaman, namun mempunyai beberapa kekangan berbanding koperasi. Bantuan zakat lazimnya bersifat sementara, berbentuk pemberian sehalu (*One-Off*) dan tertakluk kepada kategori asnaf serta kadar had kifayah semasa. Malahan, zakat seringkali disalaherti sebagai bantuan sara diri sepanjang hayat yang akhirnya mewujudkan kebergantungan muafak secara berterusan terhadap bantuan tersebut. Sebaliknya, koperasi menyediakan peluang penglibatan aktif mereka dalam aktiviti ekonomi dengan membina kemahiran serta menawarkan pelantar jangka panjang untuk penjaanaan pendapatan, pelaburan dan jaringan sosial yang lebih kukuh. Justeru, koperasi lebih berpotensi menjadi mekanisme pemerikasaan ekonomi yang mampan dan inklusif dalam proses integrasi dan pembangunan sosioekonomi mereka.

Koperasi ditubuhkan berasaskan beberapa prinsip utama seperti menjaga kepentingan komuniti, berteraskan demokrasi, bersifat fleksibel, dan mengamalkan penglibatan secara penyertaan, menjadikannya sangat sesuai bagi pembangunan ekonomi (Ahmad Bello, 2005). Koperasi memainkan peranan penting dalam mengurangkan kemiskinan dengan memperbaiki keadaan ekonomi ahli-ahlinya. Ianya menyediakan akses pasaran yang lebih baik, penetapan harga yang adil, serta perkhidmatan asas yang penting untuk meningkatkan pendapatan dan pengagihan kekayaan. Koperasi berkesan dalam mewujudkan peluang pekerjaan dengan menyokong pekerjaan sendiri serta pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Selain itu, koperasi berperanan untuk menyediakan modal permulaan dan sokongan yang diperlukan oleh ahlinya. Koperasi turut membantu menstabilkan ekonomi tempatan dengan menyediakan sumber pendapatan yang konsisten dan mampan kepada ahli-ahlinya (Joshi, 2024). Justeru, melalui pembuktian ini, koperasi dapat dilihat sebagai salah satu medium yang mampu membantu pembangunan muafak di Malaysia.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan penting yang dimainkan oleh institusi koperasi dalam pembangunan ekonomi golongan muafak di Malaysia. Kajian ini akan menganalisis pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh koperasi, termasuk program pembiayaan mikro, peluasan akses kepada pendidikan, serta pelaksanaan latihan bimbingan dan kemahiran yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan ekonomi muafak. Dengan memahami secara mendalam sumbangan koperasi terhadap pembangunan komuniti muafak, kajian ini juga berhasrat untuk menilai potensi jangka panjang koperasi sebagai medium yang berkesan dalam merealisasikan pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan untuk semua lapisan masyarakat di Malaysia.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif yang menggunakan analisis deskriptif dan kaedah analisis dokumen untuk mengkaji peranan koperasi dalam melestarikan keselamatan ekonomi muafak di Malaysia. Metodologi ini membolehkan penulis untuk mendalami isu dan konteks kajian dengan mendalam melalui sumber maklumat sekunder. Data kajian diperolehi melalui analisis dokumen dari pelbagai sumber seperti buku, jurnal, artikel, laporan penyelidikan, dan lain-lain. Analisis dokumen membolehkan penyelidik mendapatkan data tanpa perlu bergantung kepada individu atau pegawai tertentu, serta memastikan kesahihan dan konsistensi

sumber data. Data ini digunakan untuk menyokong maklumat dan membuat perbandingan antara data lama dan baru (Ismail & Ali, 2018).

Proses pengumpulan data melibatkan pengumpulan maklumat tekstual dari sumber-sumber bertulis seperti buku, tesis, jurnal, laporan, dan modul program koperasi (Abdul Rahman et al., 2017). Data kemudian dianalisis secara deskriptif untuk memahami peranan koperasi dalam melestari pembangunan ekonomi muallaf. Analisis ini membantu penyelidik dalam memperdalam pengetahuan teoritikal dan membuat analisis terperinci terhadap data sekunder yang dikumpulkan. Kajian ini memberikan sumbangan ilmiah dan kritikal dalam pemahaman terhadap peranan koperasi dalam membangunkan ekonomi muallaf di Malaysia.

### 3.0 HASIL DAN PERBINCANGAN

#### 3.1 Realiti ekonomi muallaf di Malaysia

Komuniti muallaf di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran ekonomi yang mempengaruhi taraf kehidupan mereka. Meskipun terdapat peningkatan kesedaran dan peluang untuk memperbaiki keadaan ekonomi muallaf, terdapat beberapa isu yang masih perlu ditangani dengan berkesan. Berkenaan golongan muallaf di Malaysia, terdapat kepelbagaian dalam pemahaman dan penggunaan istilah 'muallaf'. Beberapa pendapat positif menganggap istilah ini memberi keistimewaan kepada mereka sebagai asnaf zakat. Sementara pandangan lain pula melihatnya sebagai layanan 'kelas kedua'. Beberapa pihak bersetuju menggunakan istilah 'Saudara Baru' atau 'Saudara Kita' kerana lebih mesra dan mengiktiraf kehadiran mereka dalam masyarakat Islam (Mohd Subri et al., 2018). Kajian semantik menunjukkan bahawa kebanyakan cenderung untuk mengekalkan istilah muallaf kerana ia melambangkan hak keistimewaan dan sokongan khusus yang diberikan kepada mereka terutamanya dalam pendidikan dan kewangan (Che Mat et al., 2019). Konteks makna ini merujuk kepada kalimah *Mua'llaffun Qulubuhum* (mereka yang dijinakkan hati untuk memeluk Islam) dalam Surah al-Taubah (9:60), Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَنَّ السَّبِيلَ  
فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan kewangan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat Mengetahui lagi amat Bijaksana.

Berdasarkan pandangan para pengkaji dakwah muallaf di Malaysia seperti Amran (1986), Abdullah (2008), Puteh (2005), Abdullah (2009), Muhamat (2014), Shahrudin et al. (2017), Abdullah & Abdul Hamid (2018), Abdul Rahman (2017) dan Abdul Majid (2012), muallaf atau Saudara Baru diertikan sebagai individu yang baru memeluk agama Islam dengan melafazkan kalimah *Syahaadahtain* dan hatinya dijinakkan dan dilembutkan dengan hidayah Allah SWT untuk menerima Islam sebagai jalan hidup mereka. Kecenderungan hatinya kepada Islam akan menguatkan keimanan dan memperteguh amalan dengan diberi bimbingan dan perhatian sewajarnya, disamping bantuan sokongan kewangan dari pemberian zakat.

Salah satu cabaran utama muallaf di Malaysia adalah akses terhadap peluang pekerjaan yang berkualiti dan setaraf. Beberapa faktor seperti diskriminasi, kekurangan kemahiran dan rangsangan ekonomi sering menjadi hambatan muallaf untuk memasuki pasaran tenaga kerja dan meningkatkan pendapatan mereka. Penyediaan prasarana pendidikan dan latihan kemahiran yang sesuai serta penghapusan stereotaip dan prasangka dalam proses pemilihan pekerjaan adalah penting untuk memastikan akses yang saksama kepada peluang pekerjaan (Shahrudin et al. 2016; Puteh et al. 2012; Abdul Rahman & Muhamat, 2016).

Kekurangan akses kepada pembiayaan juga adalah cabaran yang semakin meruncing bagi ekonomi muallaf. Dalam kalangan mereka yang baru masuk Islam atau berada dalam kelompok ekonomi berpendapatan rendah sering menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan memulakan perniagaan atau memperluaskan perniagaan sedia ada (Shahrudin et al., 2021). Inisiatif koperasi dan agensi kerajaan yang menyediakan

pembiayaan mikro dan makro harus diperkukuhkan dan dipertingkatkan untuk memberikan sokongan yang diperlukan dalam sektor ekonomi muafaf.

Di samping itu, pendekatan yang holistik terhadap pembangunan ekonomi muafaf juga perlu mengambil kira aspek-aspek seperti sokongan sosial dan pembangunan kemahiran keusahawanan. Penguatan komuniti melalui peningkatan kesedaran, pembangunan kemahiran dan pembentukan rangkaian sokongan sosial adalah penting untuk memastikan kelestarian pembangunan ekonomi muafaf (Ahmad & Abdul Rahman, 2020). Dengan mengenal pasti dan menangani cabaran-cabaran ini dengan berkesan, Malaysia boleh melangkah ke hadapan dalam memastikan bahawa ekonomi muafaf dapat berkembang secara inklusif dan berterusan.

### 3.2 Koperasi Islam dan pembangunan ekonomi muafaf

Sektor perbankan dan kewangan Islam di Malaysia telah mencapai fasa kematangannya. Oleh itu, terdapat cadangan untuk beralih tumpuan kepada institusi bukan perbankan khususnya koperasi Islam dengan tujuan memperluaskan potensi dan melengkapinya dengan penawaran yang sedia ada. Koperasi Islam adalah institusi kewangan dan ekonomi yang ditubuhkan di bawah Kesatuan Negara-negara Islam (OIC) berdasarkan prinsip pematuhan syariah. Prinsip-prinsip ini termasuk larangan mendapatkan faedah, mengelakkan risiko dan spekulasi, membendung penglibatan aktiviti maksiat seperti perjudian, sekaligus memberi tumpuan kepada barang dan perkhidmatan sebenar bagi urusan niaga perdagangan. Tujuan koperasi Islam adalah menyediakan sistem yang menggalakkan kejayaan ekonomi sambil mengekalkan nilai-nilai moral (Ahamed Elfaki & Che Embi, 2023).

Walaupun Koperasi Islam memiliki kerangka penguatkuasaan dan pengawalseliaan, namun perlu dilakukan penambahbaikan untuk meningkatkan tadbir urus syariah yang lebih baik berbanding dengan institusi kewangan Islam (IFI). Dengan mengukuhkan kerangka kawalan seliaan bagi koperasi Islam, ia berpotensi menjadi komponen penting dalam sistem kewangan Islam yang ideal serta memberikan manfaat kepada pengguna kewangan di segenap peringkat (Itam et al., 2016).

Di negara seperti Malaysia dan Indonesia, koperasi Islam disokong dan diatur oleh kerajaan. Mereka beroperasi dalam pelbagai sektor seperti kewangan runcit, pertanian, simpanan dan pinjaman serta perumahan. Koperasi ini menjadi mekanisme untuk pembangunan ekonomi dan membasmi kemiskinan. Prinsip-prinsip kewangan Islam diterapkan dalam koperasi bagi memastikan keadilan dan penyertaan dalam kalangan ahli. Namun di Nigeria dan beberapa negara OIC lain, pembangunan koperasi Islam mungkin kurang berkembang. Meskipun beberapa inisiatif telah dilaksanakan, mereka tidak menerima sokongan kerajaan sepenuhnya dan kurang kesedaran anggota terhadap kewujudan perundangan mengenainya. Situasi ini boleh menjejaskan impak koperasi terhadap isu-isu sosioekonomi seperti pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi mampan (Ahamed Elfaki & Che Embi, 2023).

Di samping itu, penerimaan anggota terhadap koperasi Islam adalah berbeza-beza terutama dalam kalangan negara-negara OIC. Sebahagian negara masih bergantung kepada kaedah koperasi informal atau tradisional. Meskipun koperasi Islam dilihat berpotensi, manfaat penuhnya masih belum tercapai sepenuhnya di beberapa negara. Berbeza dengan Malaysia, gerakan Islam di sana mempromosi perniagaan Islam melalui penubuhan koperasi yang mengikuti prinsip pematuhan syariah dalam ekonomi. Contohnya, koperasi seperti Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad (KOHILAL), Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI) dan Koperasi Islah Malaysia Berhad (KIMB) menyediakan perkhidmatan tanpa riba, memungkinan masyarakat Islam untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi yang halal dan patuh syariah (*Shariah Compliance*). Gerakan Islam seperti Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Jemaah Islam Malaysia (JIM) menggunakan koperasi sebagai alat untuk memperjuangkan perniagaan Islam. Mereka menekankan muamalat Islam yang menghindari riba dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berteraskan nilai-nilai Islam (Abdul Ghani et al., 2020).

Justeru itu, koperasi telah menjadi salah satu instrumen penting dalam melestarikan pembangunan ekonomi muafaf di Malaysia. Dengan prinsip-prinsip keadilan, kesaksamaan, dan kebersamaan sebagai landasan utama, koperasi menyediakan pelantar yang sesuai bagi komuniti muafaf untuk meningkatkan taraf ekonomi dan memperkasa pendidikan mereka. Buktinya, organisasi seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), *Islamic Outreach ABIM Centre* (IOAC) dan lain-lain membantu dalam pendidikan Muafaf di Malaysia. Mereka mendapatkan dana dari pelbagai sumber termasuk kerjasama dengan agensi kerajaan dan melalui penubuhan koperasi. Kerjasama antara NGO dan agensi kerajaan seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) berlaku di beberapa buah negeri. Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) ini menjadi

## Peranan dan prospek pemeraksanaan koperasi sebagai mekanisme transformasi ekonomi mualaf di Malaysia

pusat informasi dan bantuan terutama dalam perihal modul dan kewangan untuk pendidikan Mualaf. Hal ini menunjukkan pentingnya koperasi dalam mendukung pendidikan dan pembangunan masyarakat mualaf di Malaysia (Mat Rani et al., 2022).

Melalui kerjasama ini, keperluan mualaf dapat dikenal pasti dengan lebih baik dan ditangani secara lebih efisien. Agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) rata-rata memiliki jaringan dan tenaga sumber untuk menghulurkan bantuan kepada mualaf yang memerlukan, sementara koperasi pula memberikan sokongan praktikal untuk memenuhi keperluan tersebut. Di samping itu, kolaborasi ini juga membuka peluang bagi mualaf untuk terlibat dalam koperasi sebagai anggota atau pemilik perniagaan. Dengan bantuan dan sokongan yang diberikan oleh koperasi, mualaf dapat memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka sendiri, meningkatkan taraf hidup mereka dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat secara keseluruhan.

### 3.3 Peranan koperasi dalam konteks ekonomi mualaf

Peranan koperasi dalam konteks ekonomi mualaf di Malaysia sangat penting dalam pembangunan ekonomi mualaf di Malaysia. Koperasi tidak hanya menjadi medium untuk pembangunan ekonomi secara keseluruhan, tetapi juga menjadi agen utama dalam meningkatkan kesejahteraan ekonomi komuniti mualaf.

#### 3.3.1 Akses kepada pembiayaan

Koperasi menyediakan akses kepada pembiayaan mikro dan makro yang membolehkan mualaf untuk memulakan atau memperluaskan perniagaan mereka. Kemudahan ini secara tidak langsung mengatasi cabaran akses kepada pembiayaan dari institusi kewangan konvensional. Menerusi penawaran pembiayaan mikro dan makro yang bersifat inklusif dan mudah diperolehi, koperasi membiayai mualaf untuk memulakan atau memajukan perniagaan (Odido et al., 2021).

Koperasi Permodalan Mualaf Berhad misalnya ditubuhkan sebagai usaha untuk membantu golongan mualaf yang menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan atau memperoleh sumber pendapatan selepas tempoh bantuan lima tahun berakhir. Menerusi bantuan koperasi ini, mualaf boleh merebut peluang pekerjaan atau berniaga agar mereka lebih berdikari dan keluar dari belenggu kemiskinan tegar. Sumbangan intitusi ini diharapkan mampu memastikan kebajikan golongan mualaf terjamin dan mengurangkan risiko mereka kembali kepada agama asal akibat tekanan ekonomi dan sosial. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad, penubuhan koperasi ini adalah langkah positif untuk membantu golongan mualaf menghadapi cabaran kehidupan mereka dengan lebih baik (Ngah, 2016).

Selain itu, Modal Teroka Islam dalam koperasi juga membuka peluang besar kepada mualaf untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Ini kerana koperasi yang mengamalkan prinsip-prinsip Islam menjadi wahana untuk mualaf terlibat dalam aktiviti ekonomi yang selaras dengan kepercayaan dan nilai-nilai pegangan mereka. Selain itu, koperasi dapat menyediakan kelas bimbingan perniagaan, peluang kolaborasi serta sokongan untuk memperkukuh kefahaman agama dan pembangunan sendiri mualaf. Oleh demikian, mualaf memacu kecemerlangan ekonomi dan penghayatan beragama melalui koperasi yang berpaksikan nilai-nilai Islam (Ahmad & Fatihin, 2019).

#### 3.3.2 Latihan kemahiran dan sokongan perniagaan

Menurut Shaharudin et al. (2021), konsep pembangunan modal insan mualaf yang dicetuskan oleh al-Ghazali menekankan dua elemen utama iaitu pembangunan rohani dan pembangunan jasmani. Pembangunan rohani melibatkan peningkatan hati, akal dan jiwa. Sementara pembangunan jasmani melibatkan usaha individu untuk meningkatkan diri secara fisik dan mental. Oleh itu, koperasi menjadi pelantar bagi mualaf untuk memantapkan akidah, sambil membangun taraf ekonomi mereka. Koperasi yang berorientasi pada pembangunan modal insan dapat memberikan peluang pendidikan dan bantuan kewangan dalam meningkatkan kecekapan tadbir urus ekonomi dan pengetahuan agama mereka. Misalnya, Contohnya, koperasi boleh menyediakan latihan keusahawanan, bimbingan perniagaan dan juga program-program bimbingan agama.

Menerusi program latihan keusahawanan, koperasi membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mualaf dalam mengurus perniagaan dan mengasah bakat keusahawanan mereka. Program-program ini bukan sekadar proses pemindahan ilmun dan kepakaran, tetapi memberi suntikan semangat agar berjaya dalam bidang

perniagaan. Contoh-contoh inisiatif koperasi seperti kursus latihan, bengkel dan sesi *mentoring* perniagaan boleh dicadangkan untuk mengaktifkan peranan koperasi dalam memperkasa potensi muafaf melalui program keusahawanan (Shaharudin et al., 2021).

Sehubungan itu, Dasar Koperasi Negara 2011-2020 adalah satu kerangka dasar yang bertujuan memperkuat Gerakan Koperasi di Malaysia. Dasar ini menekankan lima teras utama untuk memperkasakan koperasi dari segi makro dan mikro ekonomi negara. Meskipun dasar ini tidak secara langsung mengkhususkan kepada golongan muafaf, tetapi ia menyokong latihan keusahawanan dalam kalangan muafaf. Melalui penyediaan peluang keusahawanan melalui program latihan dan bimbingan, golongan muafaf dapat memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan mereka sendiri (Anon, 2025).

### 3.3.3 Akses kepada pasaran dan rangkaian perniagaan

Keahlian aktif muafaf dalam koperasi membantu mereka untuk memasuki pasaran yang sebelum ini sukar diakses dan memperluas pengaruh perniagaan masing-masing. Koperasi seringkali membolehkan para anggotanya untuk menjual produk atau perkhidmatan mereka secara kolektif bagi mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya saing mereka di pasaran. Contohnya menerusi koperasi pertanian, muafaf boleh menyatukan hasil pertanian mereka dengan hasil daripada ahli koperasi lain untuk mendapatkan harga yang lebih baik dan meningkatkan pendapatan mereka.

Selain itu, koperasi menyediakan akses kepada pelbagai tenaga sumber yang berguna bagi muafaf. Ini termasuk infrastruktur sedia ada seperti fasiliti pengeluaran, logistik dan penyimpanan yang mungkin tidak tersedia kepada individu atau perniagaan berskala kecil. Dengan menggunakan sumber ini, muafaf dapat meningkatkan kualiti dan keuntungan perniagaan mereka melalui pengurangan kos operasi. Keanggotaan muafaf sebagai ahli koperasi membuka peluang akses kepada pelbagai peluang perdagangan yang mungkin tidak tersedia kepada perusahaan kecil dan sederhana. Koperasi memiliki rangkaian pelanggan dan pembekal yang luas serta hubungan yang mapan dengan pasaran tempatan dan luar negeri. Dengan menyertai koperasi, muafaf dapat memanfaatkan rangkaian ini untuk memperluaskan pasaran mereka, menjalin perkongsian perniagaan baru dan mengakses peluang perdagangan yang lebih besar.

Abu Bakar dan Ismail (2018) mendapati kolaborasi antara agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan koperasi merupakan sinergi pengurusan tenaga sumber untuk meningkatkan kebajikan muafaf di Malaysia. Menerusi kerjasama ini, koperasi memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan ekonomi dan logistik bagi pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan muafaf. Contohnya, dalam aktiviti ziarah dan kebajikan, koperasi dapat menyumbangkan dana, peralatan atau tenaga sukarelawan untuk membantu muafaf yang memerlukan bantuan. Selain itu, koperasi juga dapat menyediakan peluang pekerjaan atau perniagaan kepada muafaf dan membantu mereka menjadi lebih berdikari.

Misalnya, KOTAQWA merupakan koperasi yang berjaya di Malaysia dengan memiliki banyak jaringan aktiviti perniagaan. Mereka memiliki akses yang baik kepada pasaran dan rangkaian perniagaan yang luas termasuk peruncitan, perkhidmatan dan kerjasama dengan koperasi lain. Kejayaan mereka menunjukkan kepentingan akses pasaran dan kerjasama dalam mendukung kejayaan koperasi. Dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti perniagaan, KOTAQWA dapat mencipta pelbagai saluran akses pasaran untuk produk dan perkhidmatan yang mereka tawarkan. Ini termasuk akses kepada pelanggan tempatan di kawasan sekitar masjid serta rangkaian pasaran yang lebih luas melalui pelantar seperti *My Farm Outlet*, gerai makan, dan perkhidmatan cuci kenderaan. KOTAQWA juga berusaha untuk membantu memajukan empat koperasi masjid lain (*mentor-mentee*). Ini mencipta rangkaian perniagaan yang lebih besar dalam komuniti koperasi dan memberikan manfaat kepada semua pihak melalui perkongsian sumber dan pengalaman. Ini menunjukkan betapa pentingnya aspek akses pasaran dan rangkaian perniagaan dalam kejayaan sebuah koperasi (Yacob et al., 2023).

Secara keseluruhan, koperasi memainkan peranan yang penting dalam membina ekonomi muafaf yang lebih mapan dan inklusif. Dengan menyediakan akses kepada pembiayaan, sokongan kemahiran dan peluang perniagaan, koperasi membantu meningkatkan taraf kehidupan ekonomi muafaf serta menyokong pembangunan ekonomi yang mampan di seluruh Malaysia

### 4.0 Prospek koperasi dalam menaiktaraf kedudukan ekonomi muaf

Terdapat pelbagai prospek dan peluang yang boleh direbut bagi membangun peranan koperasi untuk terus menyumbang kepada peningkatan kedudukan ekonomi muaf di Malaysia. Beberapa prospek yang penting termasuk:

#### 4.1 Pembangunan rangkaian perniagaan

Koperasi memainkan peranan penting dalam membina dan memperluaskan rangkaian perniagaan. Menerusi platform kerjasama dan pertukaran tenaga sumber antara ahli anggota, koperasi dapat membantu usahawan untuk mengukuhkan hubungan perniagaan, menjalin rangkaian bekalan dan memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan mereka (Ariffin et al., 2021). Di samping itu, muaf melalui koperasi dapat memanfaatkan kekuatan kerjasama untuk mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan, sambil memperkukuhkan komuniti dan kesejahteraan ekonomi mereka secara keseluruhannya.

Contohnya, Projek Ladang Nanas Bersepadu Rompin (RIPP) di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) memanfaatkan tanaman nanas sebagai peluang perniagaan dan pekerjaan, khususnya untuk komuniti tempatan seperti Orang Asli. RIPP dibawah kelolaan Rompin Integrated Pineapple Industries Sdn. Bhd (RIPI) telah menguruskan rantaian nilai pengeluaran nanas dari proses penjagaan hingga ke Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC). Inisiatif ini membuka peluang pekerjaan dalam aktiviti penanaman, pemprosesan dan pembungkusan nanas bagi meningkatkan pendapatan masyarakat setempat dan memberikan impak positif terhadap ekonomi tempatan. Melalui sokongan kerajaan dan pembabitan komuniti tempatan, industri nanas menjadi sumber pendapatan yang stabil dan berpotensi untuk pertumbuhan ekonomi setempat (Mahmood 2022).

Sehubungan itu, koperasi muaf boleh menjadi salah satu pihak yang terlibat dalam penyediaan sokongan kepada komuniti tempatan yang terlibat dalam projek seperti RIPP. Dengan memanfaatkan sumber pertanian sebagai sumber peluang perniagaan, koperasi muaf dapat berperanan dalam memberikan bantuan teknikal, modal atau latihan kepada anggotanya yang terlibat dalam aktiviti tersebut. Selain itu, koperasi muaf juga dapat menjadi pelantar untuk memperluas jaringan perniagaan dan meningkatkan akses kepada pasaran untuk produk-produk nanas yang dihasilkan oleh komuniti tempatan. Kerjasama antara RIPP dan koperasi muaf juga dapat mencipta sinergi dalam membangunkan ekonomi tempatan secara inklusif dengan memastikan bahawa faedah ekonomi daripada projek tersebut disebarkan secara adil kepada semua pihak termasuk komuniti muaf. Usaha ini secara tidak langsung dapat meningkatkan impak projek dalam memperkukuhkan modal insan dan sosial dalam kalangan komuniti tempatan termasuk masyarakat muaf serta memperluas peluang pekerjaan dalam kalangan mereka.

#### 4.2 Rangsangan inovasi dan teknologi

Koperasi juga boleh menjadi pendorong kepada pembangunan inovasi dan penggunaan teknologi dalam sektor ekonomi muaf. Menerusi akses sumber latihan yang menggalakkan inovasi, koperasi dapat membantu muaf untuk mengadaptasi teknologi baru dan amalan terbaik dalam perniagaan mereka. Strategi ini dapat meningkatkan kecekapan operasi, meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan dan membuka peluang baru untuk pertumbuhan ekonomi muaf. Justeru itu, gerakan koperasi perlu memupuk budaya literasi digital sebagai kunci untuk meningkatkan kesedaran tentang manfaat teknologi digital dalam bidang keusahawan. Menurut Livingstone dan Helsper (2007), bagi melaksanakan keusahawanan digital, koperasi harus memperhalusi aspek ketersediaan, kebolehcapaian dan kebolehterimaan (3A). Ini membantu koperasi menjadi usahawan digital dengan pendekatan kreatif mereka masing-masing.

Menurut Abdullah (2017), kerajaan Malaysia dalam usaha untuk menggerakkan sektor koperasi sangat menekankan pentingnya inovasi, kreativiti dan keberanian mengambil risiko. Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 memberi tumpuan kepada:

- 1) Memupuk idea kreatif dan inovatif di kalangan anggota koperasi.
- 2) Meningkatkan keupayaan modal insan melalui latihan dan bimbingan.
- 3) Menggalakkan penerokaan bidang perniagaan baru yang bernilai tinggi.
- 4) Berani mengambil risiko dalam mencuba pendekatan baru.

Melalui dasar ini, koperasi diharapkan dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam ekonomi negara. Justeru itu, koperasi menggalakkan anggota dan pengurusan mereka untuk menerokai bidang-bidang perniagaan baru yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi pertumbuhan yang mampan. Langkah ini mungkin melibatkan strategi mempelbagaikan produk atau perkhidmatan, pembukaan pasaran baru atau kolaborasi strategik dengan rangkaian industri lain. Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 menekankan koperasi perlu bersedia untuk mengambil risiko dalam mencuba pendekatan baru dan berinovasi. Pelaksanaan dasar ini memerlukan sikap keberanian dan ketegasan dalam kalangan anggota dan barisan pengurusan koperasi untuk melangkah ke hadapan dalam menghadapi cabaran dan peluang baru. Dengan berfokus pada dasar ini juga, koperasi muafak menjadi pemangkin ke arah pembangunan ekonomi dalam kalangan komuniti muafak. Hala tuju ini memberikan kesempatan kepada mereka untuk meningkatkan pendapatan, mencipta peluang pekerjaan dan memperkuat kestabilan ekonomi dalam jangka masa panjang.

#### 4.3 Pendidikan dan pembangunan kemahiran

Koperasi berperanan penting dalam menyokong sistem pendidikan dan pembangunan kemahiran dalam kalangan muafak. Menerusi program latihan dan pendidikan keusahawanan yang berkualiti, koperasi dapat membantu muafak untuk memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia perniagaan. Inisiatif ini membuka peluang lebih banyak kepada muafak untuk memulakan perniagaan mereka sendiri, memperluas peluang pekerjaan dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka secara keseluruhannya.

Menurut McDonnell et al. (2012), koperasi komited dalam menyediakan peluang pendidikan dan latihan kepada anggota, pengurus dan pekerja. Langkah ini bertujuan untuk memperluaskan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan agar mereka dapat menyumbang secara efektif kepada pembangunan koperasi dan memperbaiki kehidupan mereka sendiri. Pendidikan dan latihan tersebut mungkin merangkumi pelbagai aspek termasuk pendedahan tentang pengurusan koperasi, prinsip-prinsip ekonomi koperatif, kemahiran pengurusan dan sebagainya. Selain itu, koperasi juga berusaha untuk memberi maklumat kepada orang ramai khususnya golongan muda dan pemimpin setempat tentang sifat dan manfaat kerjasama. Pendedahan ini dilakukan melalui program penerangan, kempen kesedaran, dan aktiviti-aktiviti komuniti yang bertujuan untuk menggariskan kepentingan dan kelebihan model koperatif. Dalam masa yang sama, koperasi membantu muafak dengan menyediakan pendidikan tentang nilai-nilai Islam yang berlandaskan kerjasama dan ekonomi Islam. Melalui pendidikan, latihan dan maklumat tentang koperasi, muafak dapat lebih terlibat dalam komuniti dan pembangunan ekonomi secara keseluruhannya. Situasi ini membawa kepada keterangkuman dan memperkukuh hubungan antara muafak dan komuniti Muslim yang lain.

#### 4.4 Sokongan kewangan dan pembiayaan

Koperasi berpotensi untuk menyediakan sokongan kewangan dan pembiayaan kepada muafak bagi memulakan atau memperluaskan perniagaan mereka. Menerusi peningkatan akses kepada pembiayaan yang mencukupi, koperasi dapat menjadi rakan strategik dalam membantu muafak untuk mengatasi cabaran kewangan dan meningkatkan kejayaan perniagaan mereka.

Berdasarkan kajian Ariffin (2021), kemampuan rangkaian mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi koperasi. Perkara ini menggariskan kepentingan memperluaskan dan memperkukuh rangkaian koperasi termasuk dalam aspek kewangan dan pembiayaan. Dengan kemampuan rangkaian yang baik, koperasi dapat lebih mudah memperoleh sokongan kewangan dan pembiayaan yang diperlukan untuk meningkatkan operasi dan prestasinya. Langkah ini penting untuk memastikan kelestarian dan pertumbuhan koperasi dalam sektor ekonomi negara.

Rizki (2022) dalam kajiannya mendapati peranan Koperasi Syariah Ta'awun di Kabupaten Klaten dalam meningkatkan ekonomi masyarakat menerusi penyediaan akses modal kepada individu kelas menengah hingga rendah. Peluang seperti penawaran kredit dan promosi akaun simpanan dapat menarik keanggotaan dalam koperasi. Namun begitu, akses tersebut berhadapan dengan cabaran mengenai tahap pemahaman umum mengenai sistem perkongsian keuntungan dan persaingan daripada bank yang menawarkan kadar faedah lebih rendah. Pendidikan mengenai amalan patuh syariah adalah penting untuk mengatasi cabaran ini dan memperkasakan ekonomi masyarakat mengikut acuan Islam.

Dalam konteks muafak, koperasi syariah yang dijalankan dapat memberi sokongan kewangan yang sensitif terhadap keperluan dan kemampuan mereka. Di samping itu, pengurusan koperasi begitu cakna dengan prinsip pematuhan syariah Islam dalam tadbir urus kewangan. Prinsip ini merangkumi penawaran kredit,

## Peranan dan prospek pemeraksanaan koperasi sebagai mekanisme transformasi ekonomi muaf di Malaysia

pelaburan serta promosi akaun simpanan yang sesuai dengan nilai-nilai syariah. Suntikan modal dari koperasi tersebut memberi akses kepada sumber pembiayaan bagi anggotanya untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan, membiayai projek komuniti dan meningkatkan modal kerja. Langkah ini dilihat dapat membantu meningkatkan ekonomi anggota dan kesejahteraan komuniti secara keseluruhannya.

### 5.0 Cadangan dan implikasi kajian

Hasil kajian di atas jelas memperlihatkan peranan koperasi merupakan antara mekanisme penting dalam meningkatkan kesejahteraan ekonomi muaf di Malaysia. Koperasi bukan sekadar menyediakan akses kepada sumber ekonomi dan peluang keusahawanan, malahan menjadi medium sokongan sosial dan spiritual bagi menyantuni keperluan khusus golongan muaf pasca pengislaman. Walau bagaimanapun, keberkesanan koperasi masih berdepan cabaran seperti kekangan pengurusan, keahlian yang kurang aktif, serta kurangnya kerjasama strategik antara institusi-institusi yang berkaitan.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan tiga resolusi dalam memperkasa peranan koperasi dalam kalangan muaf iaitu pertama, pemeraksanaan kapasiti pengurusan koperasi; kedua, pengintegrasian sokongan antara institusi-institusi yang berkenaan; dan diikuti yang ketiga, galakan penglibatan muaf secara aktif. Beberapa saranan telah disusun bagi meningkatkan taraf ekonomi muaf secara berstruktur dan berkesan dengan pendekatan yang lebih strategik, inklusif dan lestari menerusi koperasi, iaitu:

- 1) Melaksanakan program latihan kepimpinan dan pengurusan kewangan yang khusus untuk koperasi melibatkan muaf.
- 2) Membangunkan modul khusus untuk koperasi muaf yang merangkumi aspek ekonomi dan pembangunan spiritual, dengan kerjasama antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan institusi-institusi Islam seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
- 3) Mengukuhkan kerjasama strategik antara institusi zakat, agensi kerajaan dan koperasi bagi memastikan kesinambungan bantuan modal dan program pembangunan.
- 4) Menubuhkan badan penyelarar koperasi muaf di peringkat negeri atau kebangsaan untuk menyelarar peruntukan sumber, latihan dan pemantauan aktiviti koperasi dengan lebih efisien.
- 5) Menerapkan pendekatan dakwah ekonomi dalam proses pengislaman bagi memperkenalkan koperasi sebagai pelantar pengukuhan ekonomi pasca-pengislaman.
- 6) Menggunakan tokoh muaf yang berjaya sebagai mentor atau ikon koperasi untuk meningkatkan motivasi, keyakinan diri dan kesedaran dalam kalangan muaf.

Dari sudut implikasi, kajian ini memberi sumbangan kepada pengukuhan teori pemeraksanaan komuniti dan pembangunan Islamik dengan menekankan hubungan erat antara aspek ekonomi, sosial dan spiritual dalam pembangunan muaf secara bersepadu. Implikasi praktis menunjukkan keperluan untuk merangka dasar yang lebih inklusif dan bersifat responsif terhadap keperluan unik muaf kerana polisi sedia ada bersifat umum dan tidak mengambilkira faktor demografi mereka yang pelbagai. Manakala dari aspek polisi, hasil kajian ini boleh menjadi asas kepada inisiatif baharu seperti penyediaan insentif khas, dana permulaan koperasi muaf dan pelan tindakan koperasi Islam berfokuskan muaf sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan komuniti berteraskan *maqasid syariah*.

### 6.0 RUMUSAN

Kesimpulannya, koperasi adalah mekanisme jangka panjang dalam memperkasa ekonomi muaf di Malaysia. Pelaburan dalam latihan dan pembangunan kemahiran keusahawanan menjadi fokus utama untuk meningkatkan keupayaan koperasi dalam memperkasa sektor ekonomi muaf. Usaha ini selaras dengan Resolusi Seminar Antarabangsa Muaf yang diadakan pada 23 November 2019 di Hotel Grand BlueWave Shah Alam. Resolusi terbabit menggalakkan keusahawanan dalam kalangan muaf untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka. Langkah-langkah seperti memperkukuh pengurusan zakat, menyediakan dana modal usaha, memberikan latihan keusahawanan, mempromosikan produk dan memantau keberkesanan program keusahawanan adalah strategi utama untuk mencapai matlamat ini. Dengan sokongan yang komprehensif, muaf dapat memiliki peluang yang lebih baik untuk pertumbuhan dan kejayaan dalam bidang keusahawanan (Abdul Hamid, 2020).

Justeru itu, penubuhan koperasi muaf mendukung usaha anggotanya untuk menyediakan latihan

keusahawanan yang relevan dan praktikal. Ini termasuk latihan dalam aspek-aspek keusahawanan seperti perancangan perniagaan, pengurusan kewangan, pemasaran digital dan kemahiran teknikal lainnya. Dengan pendekatan yang disesuaikan dan berfokus pada keperluan individu, koperasi memperkuat kemahiran anggotanya untuk mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan. Dengan mengambil langkah-langkah seperti pembangunan rangkaian perniagaan, penggalakan inovasi dan teknologi, sokongan pendidikan dan pembangunan kemahiran serta penyediaan sokongan kewangan yang berterusan, koperasi boleh terus memainkan peranan yang penting dalam menaiktaraf kesejahteraan ekonomi mualaf dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih inklusif dan mampan di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani, S. R., Omar, R., Mat Enh, A. & Kamarudin, R. (2020). Peranan Koperasi dalam Dakwah Ekonomi Gerakan Islam di Malaysia Sehingga Tahun 2019: The Role of Cooperative in Preaching Islamic Economical Movement in Malaysia by 2019. *Abqari Journal*, 23, 84-110. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol23no1.186>.
- Abdul Hamid, H. (2020). Resolusi Seminar Antarbangsa Muallaf. *Edisi MAIS*. Bil: 1/2020, Pp: 8. <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/03/Final-EDISI-MAIS-Bil.1.2020-1.pdf>
- Abdul Majid, M. (2012). *Muallaf di Negeri Selangor Darul Ehsan: Kajian terhadap Kepuasan diri di Negeri Selangor*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Abdul Rahman, M. S., Mohd Nor, M. J. & Md. Zain, S. (2017). *Pemantapan Pengurusan Penyelidikan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Rahman, N. & Zakaria, Z. (2018). Kecekapan Pengurusan Koperasi di Malaysia [THE EFFICIENCY OF CO-OPERATIVE MANAGEMENT IN MALAYSIA]. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(2), 134-146. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss2pp134-146>
- Abdul Rahman, N. N. H. (2017). *Transformasi Hubungan Kekeluargaan dan Kepuasan Kerja Saudara Kita Selepas Memeluk Islam di Johor*. Tesis Ph.D: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman, N. N. H., & Muhamat@Kawangit, R. (2016). Tahap Kepuasan Bekerja Saudara Baru Selepas Memeluk Islam di Johor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3, 1-23. <https://doi.org/10.11113/umran2020.6n3-2.421>
- Abdullah, F. M. (2017). Strategi persaingan bantu perniagaan koperasi. *Dimensi Koop*, 53: Pp: 5261. <https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-53/53-7.pdf>
- Abdullah, M. Y. M. & Moiden, A. H. (2018). *Dakwah Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Dar al-Wahi Publication
- Abdullah, N. A. M. T. (2009). *Cabaran Psikologi Saudara Baru: Kajian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, O., & Muhamad Shukri, A. S. (2008). *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Gombak: Penerbit UIAM.
- Abu Bakar, S. A. & Ismail, S. Z. (2018). Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 97-122. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol46no2.4>
- Ahamed Elfaki, H. M. O. & Che Embi, N. A. (2023). Islamic Cooperative: Operations and Evidence From Organization of Islamic Cooperation (OIC) Countries. *International Journal of Islamic Business*, 8 (1), 1-14. <https://doi.org/10.32890/ijib2023.8.1.1>
- Ahmad Bello, D. (2005). The Role of Cooperative Societies in Economic Development. *The Nigerian Journal of Administrative Studies*, 3 (2), 1-12.
- Ahmad, A. A. & Fatihin, K. (2019) Prospek aplikasi modal teroka Islam dalam koperasi di Malaysia : satu tinjauan literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4 (2), 22-33. <https://doi.org/10.26475/jcil.2019.4.2.03>
- Ahmad, A. W. & Abdul Rahman, N. N. H. (2020). Sokongan sosial: Satu keperluan dalam pemeraksanaan saudara baru. *Jurnal Pengajian Islam*, 13 (2), 238-253. <https://doi.org/10.11113/umran2022.9n2.562>
- Anon. (2025). *Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025*. Kementerian Pembangunan

- Usahawan Dan Koperasi.  
[https://www.kuskop.gov.my/admin/files/med/image/portal/PDF/TRANSKOM%202021\\_2025.pdf](https://www.kuskop.gov.my/admin/files/med/image/portal/PDF/TRANSKOM%202021_2025.pdf)
- Ariffin, M. S., Ramli, A. & Zakaria, N. (2021). Hubungan antara keupayaan rangkaian dan prestasi koperasi di Malaysia. *International Journal of Muamalat*, 5(1): 39-54
- Che Mat, A., Awang, A., Abdul Ghani, R. & Musa, R. (2019). Beberapa Istilah Terjemahan Saudara Baru: Satu Analisis Komponen Makna. Azri Bhari, Mohammad Mahyuddin Khalid & Mohd Ashrof Yaakob (pnyt.). Dlm. *Potensi Muallaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari*, hlm: 133-156. Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ) & Akademi Pengajian Islam Kontemporari.
- Hamzah, I. (2018). Koperasi dalam Perspektif Hukum Islam (Telaah Kritis Pemikiran Hukum Islam Taqiyyuddin al-Nabhani). *Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam*, 11(1), 103–112. <https://doi.org/10.24090/mnh.v11i1.1272>
- Ismail, A. M. & Ali, M.N.S. (2018). Kaedah Penyelidikan Sosial dari Perspektif Islam. Bangi: Penerbit UKM
- Itam, M. I., Hasan, R. & Alhabshi, S. M. (2016). Shariah Governance Framework For Islamic Co-Operatives As An Integral Social Insitution In Malaysia. *Intellectual Discourse*, 24. <https://doi.org/10.31436/id.v24i0.930>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2018. Statistik Kemasukan Islam Tahun 2010–2018. Putrajaya.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (n.d.). Statistik Agihan Zakat Mengikut Negeru. Portal Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia. [https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt\\_agihan\\_stat.php](https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_agihan_stat.php)
- Joshi, J. R. (2024). Understanding the Role of Cooperatives in Economic Development. *AMC Journal (Dhangadhi)*, 5(1), 101–117. <https://doi.org/10.3126/amcjd.v5i1.69128>
- Kamal Basir, M.Z., Zakariah, M. Z., Punding, A.Y., Anas, M. & Razak, A. 2025. Examining co-operative challenges in sustaining the economic well-being and education of Muslim reverts (muallaf) in Malaysia. *Islamic Research Journal of Emerging Economies & Islamic Research* 13(2): 1.
- Kasimin, A. (1985). *Saudara Baru Cina di Wilayah Persekutuan dan Selangor*. Monograf FSKK. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Livingstone, S., & Helsper, E. (2007). Gradations in digital inclusion: Children, young people and the digital divide. *New Media & Society*, 9, 671-696. <https://doi.org/10.1177/1461444807080335>
- Mahmood, N. (2022). Tanaman Nanas: Peluang Koperasi Menjana Pendapatan. *Dimensi Koop* 70, Pp.48-55. <https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop70/Dimensi-KOOP-Bil-70-6.pdf>
- Mat Rani, M. A., Asbullah, S., Amsyar, M. I., Adenan, F. Abdullah, M., Izham, S. S., Said, S. (2022). An Analysis Of Teaching And Learning Methods Of Fiqh Muallaf Module In Malaysia: Analisa Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Modul Fiqh Muallaf Di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 25(2), 1–12. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/410>
- Mcdonnell, D., Macknight, E., & Donnelly, H. (2012). Co-operative Entrepreneurship. *Cooperate forgrowth A CETS Resource published with the support of the Scottish Government and the Economic and Social Research*. retrieved from <https://communitywealth.org/sites/clone.communitywealth.org/files/downloads/tool-coopscotland.pdf>
- Mohd. Subri, I., Abdul Rahman, A., Abdul Mutalib, M., Mohd Dali, N. R. S., Wan Razali, W. M. F. A., Ibrahim, R. I., Shamsudin, S. N., Anuar Musaddad, N. & Ismail, N. (2018). Penerimaan Penggunaan Istilah Muallaf dalam Kalangan Muallaf di Malaysia. *Jurnal Infad*, 6, 111-134. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol6no1.76>
- Muhamat @ kawangit, R. (2014). *Muallaf: Permasalahan dan Penyelesaian*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM
- Munajat. M. (2021). Strategi Pengurusan Badan Sokongan Koperasi dalam Melaksanakan Konsep dan Pemahaman Halal dalam Sektor Koperasi di Malaysia. *3rd International Halal Management Conference (3rd IHMC 2021) "Sustainability and Empowerment of Halal Industry in The Midst of COVID19-Pandemic" Date: 23rd – 24th August 2021*, Malaysia eISBN: 978-967-440-956-2 Organised by : Faculty of Economy and Muamalat, USIM. <https://oarep.usim.edu.my/collections/c3c33d1d-43d4-49bb-b8d4-ad6c0e5cc925>
- Ngah, H. (2016). Koperasi bantu muallaf. *Berita Harian Online* [2 Mei 2024].

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/05/154302/koperasi-bantu-mualaf>

- Odido, J., Nwankwo, F. O., & Ogundipe, O. A. (2021). Influence of Cooperative Activities on Micro-Business Financing in Ogoja Local Government Area of Cross River State. Forshen Hub *International Journal of Entrepreneurial and Cooperative Studies*, 3(1), 45–58. Retrieved from <https://journal.forshenhub.com/index.php/FHIJECS/article/view/26>
- Othman, I. W., Mohamad, M. & Abdullah, A. (2013). Cooperative Movements in Malaysia: The Issue of Governance. <http://www.waset.org/publications/8324>
- Puteh, A., Don, A. G., Mohd. Nasir, B., Muhamat @ Kawangit, R., Asha'ari, M. F. & Sezali, Z. (2012). Cabaran Wanita Saudara Baru Berkerjaya di Daerah Sabak Bernam. *Jurnal al-Hikmah*, 4, 23-36. <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/jalhikmah/index>
- Rizki, D., Athief, F. H. N., Agustina, R. & Putri, A. B. (2022). “The Role of Sharia Ta’awn Cooperative in Empowering the Community Economy (Case Study of Sharia Ta’awun Cooperative Klaten Regency)”. *AL-IKTISAB: Journal of Islamic Economic Law*, 6 (2), 227-42. <https://doi.org/10.21111/al-iktisab.v6i2.8400>.
- Shaharuddin, S. A., Abdul Majid, M. Abdullah, M. Y. M., Sungit, F., Abdul Hamid, Z., & Shaharuddin, H. N. (2016). Isu dan Permasalahan Mualaf (Cina) di Malaysia. Abur Hamdi Usman (pnyt.). Dlm. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah (IRSYAD)*, hlm: 1181-1192. Bangi Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Shaharuddin, S. A., Abdul Majid, M. Abdullah, M. Y. M., Usman, A. H. & Amran, S. N. A. (2021). Pendekatan Pengurusan Cabaran Usahawan Mualaf. Dlm *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin (Siri 2) 2021* (pp.43-66). Bangi: Penerbit FPPI
- Shaharuddin, S. A., Abdul Majid, M. Abdullah, M. Y. M., Usman, A. H. & Amran, S. N. A. (2021). Pembentukan Komponen Utama Dalam Model Mualafpreneur Terhadap Pembangunan Komuniti Mualaf. Dlm *Proceeding of 8th International Research Management and Innovation Conference( 8th IRMIC 2021)* (pp.14-24).
- Shaharuddin, S. A., Shaharuddin, H. N., Abdullah, M. Y. M., Amat Misra, M. K. & Fauzan. A. S. (2017). Cabaran dan permasalahan Mualaf dan Penyelesaian oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). Dlm. *Seminar Penyelidikan Sirah Nabawi dan Pemikiran (ISRA’)*, hlm: 1-9 Bangi: Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).
- Yaakub, F., Salleh, A. & Wan Daud, W. N. (2024). Isu-Isu harta pusaka mualaf di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 10 (3), 16, 1-12
- Yacob, Y. Ali, J. K., Lajuni, N., Md Radzi. M. B., Anuar Said, M. S., Pakasa, U. I., & Jusoh, I. N. (2023). Peranan Koperasi Kariah Masjid Dalam Memperkasakan Sosio Ekonomi Umat Islam: Isu Dan Cabaran. *Proceedings Borneo Islamic International Conference* EISSN 2948-5045, 14, 90-95. Retrieved from <https://majmuah.com/journal/index.php/kaib1/article/view/386>